

PERAK 2040 – PEMBANGUNAN INKLUSIF & BERKUALITI



PROFIL NEGERI PERAK

1. Terletak bersempadan dengan Negeri Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Pahang dan Selangor.
2. Berada di antara 2 buah negeri yang maju iaitu Selangor dan Pulau Pinang.
3. Berkeluasan 20,998 km persegi (2.099 juta hektar) dan merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang.
4. Jumlah penduduk pada tahun 2015 adalah seramai 2.48 juta orang (8.0% daripada penduduk Malaysia dan berkedudukan negeri ke-3 terbesar di Semenanjung Malaysia).

KERAJAAN Negeri Perak bersama-sama Kerajaan Persekutuan melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) dan PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak) telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 sebagai kajian semula kepada Rancangan Struktur Negeri Perak yang terdahulu yang telah diwartakan pada 10 April 2008 (no. warta 495, Jil. 6, Bil. 8).

Berdasarkan potensi dan kekuatan sedia ada Negeri Perak, 8 fokus pembangunan utama disediakan bagi memandu hala tuju pembangunan kawasan-kawasan berpotensi iaitu:

- i. Zon Perdagangan, Perkhidmatan, Perindustrian, Pendidikan dan Teknologi Tinggi (Ipoh-Seri Iskandar);
- ii. Zon Pelancongan dan Industri Maritim (Manjung-Lumut-Pulau Pangkor);
- iii. Zon Pembangunan Warisan (Taiping-Kuala Kangsar);
- iv. Zon Pendidikan (Tanjong Malim-Trolak-Tapah-Kampar);
- v. Zon Perindustrian (Bagan Datuk-Tanjong Malim);
- vi. Zon Agromakanan (Manong-Selama-Parit Buntar);
- vii. Zon Pemeliharaan Biodiversiti (Lenggong-Gerik-Pengkalan Hulu); dan
- viii. Zon Perindustrian (Kamunting).

Penyediaan Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 adalah selaras dengan peruntukan seksyen 8 sehingga seksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], sekaligus menjadikan dokumen ini sebagai dokumen perancangan yang memandu dan mengawal pembangunan fizikal seluruh Negeri Perak sehingga tahun 2040, dengan mengambil kira semua polisi dan dasar sedia ada di peringkat global, nasional dan negeri.


Seterusnya, bagi mengukuhkan peranan Rancangan Struktur ini sebagai dokumen pelaburan negeri, sebanyak 23 kawasan berpotensi untuk pelaburan Negeri Perak telah dikenal pasti antaranya ialah pembangunan perbandaran di Wilayah Metropolitan Lembah Kinta dengan Ipoh sebagai pusat perdagangan dan perkhidmatan

Selain daripada pembangunan fizikal, draf laporan ini juga telah mengambil kira aspek lain seperti sosio-ekonomi dan alam sekitar bagi menangani isu semasa, serta mengambil kira potensi sedia ada ke arah pembangunan yang mampan dan sejahtera.

Matlamat pembangunan yang telah digariskan di dalam Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 adalah **Pembangunan Inklusif 'Berdaya Huni, Berkualiti dan Sejahtera'** Dengan Menjadikan Perak Negeri Berpendapatan Berkualiti.

Dalam memastikan matlamat pembangunan tersebut tercapai pada tahun 2040, sebanyak 4 Teras Pembangunan, 24 Dasar Perancangan dan 70 Strategi Pelaksanaan telah dirangka di dalam Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040. Sektor utama yang ditekankan bagi pembangunan Negeri Perak adalah sektor pelancongan, pembuatan dan pengangkutan.

Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 juga telah mengenal pasti kawasan keutamaan pembangunan iaitu 30.97% (650,398.999 hektar) kawasan, terutamanya di sekitar Bandaraya Ipoh menghala ke selatan iaitu Tanjong Malim, serta bahagian barat Negeri Perak yang merangkumi kawasan persisiran pantai barat seperti Lumut hingga ke Bagan Datuk. Bagi kawasan tepu bina sedia ada, pembangunan *infill* dan *brownfield* adalah digalakkan bagi mengoptimalkan penggunaan tanah sedia ada secara ekonomik.



ROAD MAP PENCAPAIAN NEGERI PERAK 2040			
	2015	2030	2040
Bilangan Penduduk	2,480,500 orang	2,963,000 orang	3,464,800 orang
Peluang Pekerjaan	968,000 pekerjaan	1,240,478 pekerjaan	1,466,858 pekerjaan
Jumlah KDNK Negeri	RM58 bilion	RM150 bilion	RM285 bilion
KDNK Sektor Pertama	17.7%	14.5%	13.5%
KDNK Sektor Kedua	22.1%	24.5%	25.5%
KDNK Sektor Ketiga	60%	61%	61%
Keluasan Kawasan Tepu Bina	119,374 hektar	192,595 hektar	256,395 hektar
Hasil Pengeluaran Agromakanan	691 juta kg.	1,189 juta kg.	2,009 juta kg.
Pembangunan Lapangan Terbang	Sebuah Lapangan Terbang Domestik	Sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa	Sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa
Liputan Lebuhraya	216 km	550 km	620 km
Liputan Rel	267 km	345 km	545 km
Modal Split Bandaraya Ipoh	15 : 85	30 : 70	40 : 60
Jumlah Pelancong	8.23 juta pelancong	14.22 juta pelancong	20.48 juta pelancong
Sumbangan Pelancongan Kepada Ekonomi Negeri	RM7.9 bilion	RM25.6 bilion	RM77 bilion
Bilangan Warisan Dunia UNESCO	1 aset warisan	3 aset warisan	3 aset warisan
Bilangan IPT dan kampus cawangan	83	100	120
Hutan Yang Diwaruta	48%	50%	50%
Jumlah Taman Negeri	3	6	8



bertaraf negeri, wilayah dan global, pembangunan Ipoh sebagai Bandaraya Pelancongan Utama Negeri bertaraf antarabangsa, pembangunan terancang dan pelancongan maritim di Lumut-Sitiawan-Seri Manjung, pembangunan Taman Teknologi Aerospace Perak dan Perak Science Park secara bersepadu dengan institut pendidikan tinggi (IPT) dan Lapangan Terbang Antarabangsa di Seri Iskandar, penguatan pembangunan berasaskan *transit oriented development* (TOD), pembangunan Bandar Belia dan *Automotive City* di Tanjong Malim, pembangunan perindustrian utama Perak Heavy Industrial Park (PHIP) dan Bagan Datuk Water City, Bandar Warisan Dunia di Lembah Lenggong, pembangunan Koridor Sungai Perak serta lain-lain.

Dalam memastikan semua sasaran dan matlamat pembangunan dapat direalisasikan, Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 juga telah merangka *Road Map* Pencapaian Negeri Perak 2040 sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri Perak dan semua pihak yang berkepentingan dalam menggandakan usaha dan langkah-langkah berkaitan. Justeru itu, orang ramai dijemput hadir untuk sama-sama terlibat dengan publisiti Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040. Orang ramai juga boleh mengambil peluang ini untuk memeriksa laporan tersebut serta boleh mengemukakan pandangan, cadangan atau bantahan sekiranya ada, agar aspirasi rakyat terutamanya rakyat Negeri Perak dapat diambil kira di dalam penyediaan dokumen ini.

PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM
Laporan Draft Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 ini akan dipamerkan dan orang ramai dijemput untuk memeriksa laporan dan mengemukakan sebarang pandangan, cadangan atau bantahan terhadap laporan tersebut pada waktu pejabat. Ia boleh diperiksa di ruang legar PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak), Tingkat 3, Bangunan Seri Perak, Ipoh, Perak bermula dari 13 Mac 2018 sehingga 14 April 2018. Pandangan, cadangan atau bantahan tersebut hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 11 April 2018.

PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) merupakan agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggung jawab dalam menggalak dan menyelaras aspek perancangan bandar dan desa di negara ini. Ia juga bertanggung jawab membantu perancangan di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan. Maklumat lanjut, layari <http://www.townplan.gov.my>.